



PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

BAB 05

PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

Pada tahun 1990, Mahkamah Syariah telah dipisahkan dari Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah menjadi institusi kehakiman yang bebas dan tersendiri berdasarkan kepada semangat Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Sejak itu, Mahkamah Syariah Negeri Melaka telah ditubuhkan sebagai sebuah institusi kehakiman Syariah di Negeri Melaka. Nama “Mahkamah Kadi” juga telah ditukarkan kepada Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Penubuhan Mahkamah Syariah Negeri Melaka ini terdiri dari tiga lapisan iaitu Mahkamah iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Jawatan Kadi juga bertukar kepada jawatan Hakim Syarie. Ketua Hakim Mahkamah Syariah Negeri Melaka yang pertama ialah Tan Sri Dr Ibrahim bin Hj Lembut.

Bidang kuasa Mahkamah Syariah Negeri Melaka adalah di dalam pengurusan kes Mal, Jenayah dan Faraid di semua peringkat Mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah mengikut peruntukan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 dan Enakmen Kesalahan Syariah 1991. Manakala pentadbiran Mahkamah Rendah Syariah pula dibahagikan kepada tiga daerah iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan juga Jasin.

Objektif penubuhan Mahkamah Syariah Negeri Melaka ialah Melaksanakan keadilan berasaskan bidangkuasa yang diberi oleh Undang-undang dan Perlembagaan selaras dengan Hukum Syarak. Visi penubuhan Mahkamah Syariah Negeri Melaka pula ialah untuk menjadi institusi kehakiman Syariah yang berwibawa. Manakala misi penubuhan Mahkamah Syariah Negeri Melaka ialah melaksanakan perbicaraan, pengurusan Mahkamah dan perkhidmatan sokongan secara professional, berkesan dan sistematik berasaskan undang-undang dan Hukum Syarak. Mahkamah Syariah Negeri Melaka juga menggunakan motto “Syariah Asas Keadilan” sebagai congan kata yang utama.

Fungsi utama Mahkamah Syariah Negeri Melaka ialah seperti berikut :-

- Menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah mengikut hukum Syara’ dan peruntukan undang-undang.
- Memutus, menguatkuasa dan melaksanakan perintah berasaskan Hukum Syara’ dan undang-undang bertulis.
- Menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes rayuan secara teratur dan berkesan;
- Menerima, mendengar dan memutuskan permohonan pembahagian Faraid;

- Membangunkan Sumber Manusia yang terlatih dan mencukupi;
- Menyelesaikan pertikaian secara Majlis Sulh berasaskan persetujuan tanpa sebarang paksaan melalui kaedah perundingan dan timbangtara.
- Melaksanakan e-syariah dan Sistem Perakaunan Standard Kerajaan Negeri (SPEKS).

Pada tahun 1998, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah ditubuhkan. Negeri Melaka telah termasuk di dalam negeri-negeri skim guna sama di samping negeri-negeri yang lain seperti Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah, Negeri Sembilan, Selangor dan Perlis. Tujuan utama penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ialah untuk merealisasikan penyeragaman sistem perundangan Islam di Malaysia agar keadilan Islam dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisien.

Penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ini juga menjadikan pentadbiran Mahkamah Syariah dapat disusun dengan lebih teratur, cekap dan professional setanding dengan Mahkamah Awam. Di samping itu, beberapa bahagian baru telah diwujudkan di bawah Mahkamah Syariah seperti Bahagian Penyelidikan, Bahagian Sokongan Keluarga dan Unit Sulh. Bahagian-bahagian ini menyebabkan kes-kes di Mahkamah Syariah dapat diurus tadbir dengan baik dan dapat diselesaikan dengan lebih cepat.



Kakitangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka bergambar bersama Allahyarham Prof Tan Sri Ahmad bin Ibrahim (duduk yang keenam dari kiri) dan Prof Datuk Dr Mahmud Saedon (duduk yang kelapan dari kiri). Turut kelihatan ialah Datuk Haji Md Yunos bin Mat Yatim (duduk yang keempat dari kiri), Tan Sri Dr Ibrahim bin Haji Lembut (barisan tengah yang kedua dari kiri) dan Datuk Wira Haji Rashid Redza bin Haji Md Salleh (barisan tengah yang kelima dari kiri).

KETUA HAKIM SYARIE

Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka merupakan jawatan tertinggi dalam system kehakiman Islam di Negeri Melaka pada hari ini. Sebelum penubuhan Mahkamah Syariah, jawatan Kadi Besar terletak di bawah Mufti. Namun apabila pentadbiran Mahkamah Syariah telah diasingkan dari pentadbiran Majlis Agama Islam, kedudukan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka adalah di bawah Yang Dipertuan Agong iaitu setara dengan jawatan Mufti.

Seksyen 44 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 telah menerangkan tentang perlantikan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka. Seksyen tersebut menerangkan seperti berikut :

1. Yang Di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, boleh melantik seorang Ketua Hakim Syarie.
2. Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika dia-
 - (a) seorang warganegara; dan
 - (b) selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula.
3. Orang yang, sebaik sebelum seksyen ini mula berkuat kuasa, memegang jawatan Ketua Hakim Syarie di bawah Enakmen terdahulu dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, terus memegang jawatan Ketua Hakim Syarie seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).
4. Pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam Warta.

MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

Mahkamah Rayuan Syariah dianggotai oleh 7 orang ahli panel yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agung dan diketuai oleh Ketua Hakim Syarie sebagai Pengerusi serta dianggotai oleh 6 orang hakim rayuan syarie. Panel rayuan dibantu oleh Ketua Pendaftar dan seorang Pegawai Penyelidik. Dalam satu-satu sidang perbicaraan, hanya 3 orang daripada 7 orang ahli panel yang akan dilantik sebagai hakim perbicaraan.

BIDANGKUASA MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

Mahkamah Rayuan Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya.

Mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh, jika didapati perlu olehnya demi kepentingan keadilan, samada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam Mahkamah Tinggi Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod mengenainya dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.


Mahkamah Rayuan Syariah juga berbidangkuasa untuk membatalkan sabitan, mengenyahkan, mengurangkan, mengakaskan, mengesahkan, mengubah hukuman, perintah atau keputusan, menolak rayuan atau menyabitkan yang dituduh dan menghukumnya mengikut undang-undang, menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana dijalankan oleh Mahkamah perbicaraan, membuat apa-apa perintah sebagaimana dijalankan oleh Mahkamah pembicaraan atau memerintahkan perbicaraan semula diadakan bagi kedua-dua kes jenayah dan mal.

Seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 telah menerangkan secara terperinci tentang bidangkuasa Mahkamah Rayuan Syariah. Seksyen tersebut menyatakan seperti berikut

1. Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya.
2. Apabila suatu rayuan daripada sesuatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak memberikan kebenaran untuk diputuskan olehnya sendiri apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam perjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.
3. Apabila kebenaran telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah itu hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan dirujuk bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan yang difikirkannya adil bagi pemberesan rayuan itu.

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

Struktur Carta Organisasi Mahkamah Rayuan Syariah



SENARAI PANEL HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI MELAKA (SESI 2013-2016)



Y.A.A Tan Sri Dr. Haji Ibrahim
bin Lembut



Y.A.A Datuk Mahammad bin
Ibrahim



Y.A. Dato' Seri Md Yusup
bin Che Teh



Y.A. Dato' Hussin bin Haji
Harun



Y.A. Dato' Aidi bin Mokhtar



Y.A. Datuk Haji Mohamad
bin Abdullah



Y.A. Dato' Yusuf bin Musa

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

Terdapat dua buah Mahkamah Tinggi Syariah di Negeri Melaka yang mana kedua-duanya terletak di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Hakim yang membicarakan kes-kes di Mahkamah Tinggi Syariah ini terdiri daripada Hakim Mahkamah Tinggi Kanan dan Hakim Mahkamah Tinggi.

Mahkamah Tinggi Syariah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dibantu oleh seorang Pegawai Penyelidik, seorang Pendaftar, empat orang Pembantu Syariah, dan seorang Bailif. Mahkamah Tinggi Syariah juga dibantu oleh seorang Pegawai Sulh dari unit Sulh MSNM bagi menyelesaikan kes secara proses Sulh yang berbidangkuasa olehnya.

Seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 telah menerangkan secara terperinci tentang bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah. Seksyen tersebut menyatakan seperti berikut:

- (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Melaka dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.
- (2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Hakim Syarie boleh bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan mengetuai Mahkamah itu.
- (3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-
 - (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 12 Tahun 2002*] atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan
 - (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan:-
 - (i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (*fasakh*), *nusyuz*, atau pemisahan kehakiman (*faraq*) atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan perhubungan antara suami dan isteri;
 - (ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);

- (iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahtarafan, atau penjagaan atau jagaan (*hadhanah*) budak-budak;
- (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
- (v) wasiat atau alang semasa *marad-al-maut*;
- (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seorang orang Islam;
- (vii) wakaf atau nazr;
- (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;
- (ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak;
- (x) perisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;
- (xi) perisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; dan
- (xii) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis

BIDANGKUASA RAYUAN MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

Mahkamah Tinggi Syariah berbidangkuasa untuk mendengar, membicarakan dan memutuskan rayuan-rayuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh hakim-hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 telah menerangkan secara terperinci tentang bidangkuasa rayuan yang dimiliki oleh Mahkamah Tinggi Syariah. Seksyen tersebut menerangkan seperti berikut:-

- (1) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan sesuatu Mahkamah Rendah Syariah-
 - (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, oleh pendakwa atau oleh orang yang telah disabitkan, dan rayuan itu boleh sama ada terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana daripadanya; dan

(b) dalam bidang kuasa *ma/nya*-

- (i) oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu, jika amaun yang dituntut itu tidak kurang dari pada satu ribu ringgit;
- (ii) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu; dan
- (iii) dalam semua kes yang berhubungan dengan nafkah orang-orang tanggungan, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu,

tetapi tiada rayuan boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan; dan


(c) dalam apa-apa kes lain, jika Mahkamah Tinggi Syariah memberikan kebenaran untuk merayu.

(2) Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh-

- (a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan, mensabitkan dan menghukum pihak yang merayu, memerintahkan Mahkamah perbicaraan memanggil pembelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda bentuk hukuman, memerintahkan perbicaraan semula, atau meminda atau mengakaskan mana-mana perintah Mahkamah perbicaraan; dan
- (b) dalam perkara mal, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan, menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah perbicaraan, membuat apa-apa perintah yang sepatutnya dibuat oleh Mahkamah perbicaraan, atau memerintahkan perbicaraan semula.

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

Struktur Organisasi Mahkamah Tinggi Syariah



MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

Mengikut hirarki atau lapisan Mahkamah Syariah, Mahkamah Rendah Syariah berada di kedudukan yang paling rendah. Di Melaka, terdapat lima 5 buah Mahkamah Rendah Syariah iaitu 3 buah di daerah Melaka Tengah, sebuah di daerah Alor Gajah dan sebuah di daerah Jasin.


Mahkamah Rendah Syariah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah. Hakim Mahkamah Rendah Syariah dibantu di bahagian Perundangan, Pentadbiran dan Kewangan oleh seorang Penolong Pendaftar, tiga orang Pembantu Pendaftar, seorang Bailif (gunasama Mahkamah Tinggi Syariah), seorang jurutaip dan seorang Pembantu Am Pejabat. Mahkamah Rendah Syariah juga dianggotai oleh seorang Pegawai Sulh yang menyelesaikan kes secara proses Sulh yang berbidangkuasa olehnya.

Seksyen 50 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 telah menerangkan dengan jelasnya tentang bidangkuasa yang dimiliki oleh Mahkamah Rendah Syariah. Seksyen tersebut telah menerangkan seperti berikut:-

- (1) Sesuatu Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Melaka dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.
- (2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah-
 - (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukunrukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis lain itu tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan
 - (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).
- (3) Yang di-Pertuan Agong boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta memperluas bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah.

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

Struktur Organisasi Mahkamah Rendah Syariah Negeri Melaka



UNIT SULH

Sejak bulan Ogos, 1996, kajian tentang pengamalan Sulh di Mahkamah Syariah telah dibincangkan dalam beberapa majlis dan mesyuarat yang dijalankan oleh Unit Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri. Hasil daripada perbincangan-perbincangan tersebut, Unit Sulh yang pertama telah ditubuhkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada 13 Julai 2000.

Unit Sulh mula ditubuhkan di Negeri Melaka pada tahun 2002. Unit Sulh ditubuhkan bagi mempercepatkan kes-kes mal di mana kes-kes ini boleh diselesaikan dengan persetujuan bersama di antara pihak-pihak yang bertikai. Majlis Sulh adalah satu prosiding yang dijalankan dan dipengerusikan oleh Pegawai Sulh di mana Pegawai Sulh bertindak sebagai perantara (orang tengah) di antara pihak-pihak yang bertikai.

Pegawai Sulh bertindak sebagai juru runding dan penasihat bagi memimpin pihak-pihak agar satu persetujuan bersama dapat dicapai. Dengan ini, kes-kes yang difailkan di Mahkamah Syariah dapat diselesaikan dengan lebih cepat. Di Negeri Melaka terdapat 4 orang Pegawai Sulh di mana 3 orang Pegawai Sulh Mahkamah Rendah Syariah bagi setiap daerah di Melaka dan seorang Pegawai Sulh Mahkamah Tinggi Syariah.

Objektif Penubuhan Majlis Sulh ialah bertujuan untuk menyelesaikan hal ehwal kekeluargaan Islam di Negara ini tanpa melalui proses perbicaraan di depan Hakim untuk kes-kes keluarga selain daripada tuntutan perceraian. Di dalam Majlis Sulh, pihak-pihak diberi peluang untuk bercakap dan menyatakan tentang keinginan berdasarkan tuntutan masing-masing. Selain daripada itu, Majlis Sulh juga diadakan untuk mengenalpasti situasi sebenar pihak-pihak di mana keterangan kedua-dua pihak diambil kira supaya suatu penyelesaian yang terbaik dapat dicapai.

SEKSYEN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA

Bahagian Sokongan Keluarga adalah merupakan bahagian yang ditubuhkan melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke 46 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga menjalankan operasinya di setiap negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Seramai 70 penjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah ditempatkan bagi setiap seksyen di negeri-negeri bagi menjalankan fungsi dan peranannya. Bahagian Sokongan Keluarga ini dilancarkan pada 22 Oktober 2008 yang dirasmikan oleh Y.B Dato' Seri Ahmad Zahid Bin Hamidi Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Fungsi dan Peranan Bahagian Sokongan Keluarga adalah memberikan khidmat nasihat perundangan secara khusus terhadap tuntutan nafkah serta tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Penubuhan Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga ini juga bertujuan membantu golongan yang berstatus ibu tunggal bagi penyelesaian tuntutan nafkah yang melibatkan nafkah anak-anak dan nafkah diri. Keculusan pihak Penghutang Penghakiman dalam mengabaikan pembayaran nafkah anak telah membawa kepada kemudharatan terhadap anak-anak.

Di samping itu Bahagian Sokongan Keluarga ini menjalankan fungsi dan peranannya sebagai Bailif bagi kes di bawah penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah. Bailif adalah merupakan penjawatan secara bertauliah yang ditauliahkan oleh Ketua Hakim Syarie di Mahkamah Syariah Negeri. Bailif memainkan peranan yang penting dari aspek penguatkuasaan bagi setiap perintah Mahkamah yang dikeluarkan.

Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Melaka menjalankan operasinya pada tahun 2009 sejajar dengan penempatan pegawai-pegawai di Bahagian Sokongan Keluarga di peringkat Sokongan dan Pegawai Profesional. Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga di Negeri Melaka ditempatkan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka dan ianya adalah merupakan sebahagian daripada keanggotaan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Seksyen Bahagian Sokongan Negeri Melaka menjalankan fungsi dan peranannya di bawah tiga unit yang berbeza iaitu Unit Khidmat Nasihat dan Perundangan, Unit Pengurusan Dana dan Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah.

Seramai 6 anggota kakitangan di Seksyen Bahagian Sokongan Negeri Melaka yang telah ditempatkan. Struktur penjawatan di Seksyen Bahagian Sokongan Negeri Melaka adalah mengikut hierarki yang ditetapkan iaitu penjawatan Penolong Pengarah Kanan LS44 dibantu oleh LS41 selaku Penolong Pengarah. Bagi pegawai kelas sokongan satu dan dua dianggotai oleh Penolong Pegawai Syariah gred LS27 seramai 2 orang dibantu oleh seorang Pembantu Syariah gred LS 17 manakala di bahagian kewangan Seksyen Bahagian Sokongan Negeri Melaka dianggotai oleh seorang pembantu akauntan gred W17. Oleh itu kedudukan penjawatan di bawah Seksyen Bahagian Sokongan Negeri Melaka ini adalah merupakan unit yang mampu bergerak mengikut kehendak yang ditetapkan bagi menjalankan fungsi dan peranannya dalam penguatkuasaan nafkah anak.